



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

HARI PENCEGAHAN BUNUH DIRI SEDUNIA TAHUN 2022

**"BERTINDAK SEGERA, HARAPAN TERBINA"
(CREATING HOPE THROUGH ACTION)**

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan lebih daripada 703,000 kematian akibat bunuh diri setiap tahun di seluruh dunia, dengan purata 1 kematian setiap 40 saat. Bunuh diri adalah satu daripada 10 penyebab utama kematian di dunia, dan penyebab ke-4 kematian bagi mereka yang berumur 15 hingga 29 tahun. Bagi setiap nyawa yang terkorban, dianggarkan 135 ahli keluarga atau rakan-rakan akan terkesan dan mengalami impak secara emosi, sosial dan ekonomi.

Di Malaysia, sumber daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaporkan, terdapat **peningkatan dalam kes bunuh diri yang dilaporkan pada tahun 2021** iaitu sebanyak **1,142 kes berbanding 631 kes pada tahun 2020** dengan **peningkatan sebanyak 81%**. Bagi tahun 2022 pula, sejumlah 467 kes bunuh diri telah dilaporkan oleh PDRM sehingga bulan Jun. Faktor-faktor yang menyumbang kepada tingkah laku bunuh diri adalah pelbagai dan kompleks, seperti isu psikososial dan persekitaran, isu kewangan (kehilangan sumber pendapatan atau pekerjaan), penyakit mental seperti kemurungan, kurang sokongan sosial dan penyalahgunaan substans.

Hari ini merupakan Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia 2022. Bertemakan "**Bertindak Segera, Harapan Terbina**", Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia tahun ini memfokuskan peranan masyarakat untuk mencegah tingkah laku bunuh diri dan membantu menambahbaik kualiti hidup individu yang terkesan. Amat penting untuk tindakan segera diambil secara bersama di setiap peringkat bagi menangani tingkah laku bunuh diri, bermula daripada individu, keluarga, komuniti, pihak berkepentingan seperti pembuat dasar, ahli politik, semua agensi kerajaan dan swasta serta NGO.

Antara inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi menangani isu tingkah laku bunuh diri adalah:

- 1) **Pelaksanaan Usaha Dekriminalisasi Cubaan Bunuh Diri** untuk lebih menggalakkan mereka yang terkesan tampil mendapatkan bantuan. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah pun mengambil inisiatif menyediakan Memorandum Moratorium dan telah dibentangkan di peringkat Majlis Jemaah Menteri pada September 2021. Buat masa ini memorandum ini

adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

- 2) Pembangunan **Sistem Registri Bunuh Diri dan Kematian Fatal Kebangsaan atau National Suicide and Fatal Injury Registry Malaysia (NSFIRM)** yang dijangka akan beroperasi pada tahun 2023. Sistem ini membolehkan statistik terperinci dan tepat berkaitan kejadian bunuh diri diperolehi dan usaha pencegahan secara bersasar dapat dilaksanakan.
- 3) Sesi libat urus dengan pihak Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam pelaksanaan **Latihan Pencegahan Bunuh Diri kepada *first responders*** bagi meningkatkan kemahiran pengendalian kes tingkah laku bunuh diri.
- 4) KKM turut bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi **memperkasakan Program Minda Sihat Sekolah bagi mewujudkan '*referral pathway*'** untuk merujuk pelajar yang dikenal pasti mengalami masalah kemurungan dan tingkah laku bunuh diri ke fasiliti kesihatan untuk mendapatkan intervensi awal dan rawatan segera.
- 5) **Advokasi Kempen Let's TALK Minda Sihat** kepada kumpulan sasar menerusi dan masyarakat secara menyeluruh merentas agensi dan secara bersepadu termasuk melibatkan media massa, media sosial dan pihak berkepentingan.
- 6) KKM juga telah mengambil inisiatif untuk membangunkan **Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan atau *National Centre of Excellence for Mental Health (NCEMH)***. Pusat kecemerlangan ini turut menempatkan perkhidmatan **Talian Bantuan Krisis Kesihatan Mental** yang akan memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan. Ini merupakan satu penambahbaikan kepada perkhidmatan kesihatan mental yang sedia ada.

Dalam pada itu, selaras dengan '**Konsep Keluarga Malaysia**', masyarakat boleh memainkan peranan dan mengambil tanggungjawab untuk mencegah tingkah laku bunuh diri termasuk:

- i. Sentiasa ambil berat dan tanya khabar keluarga dan orang sekeliling terutamanya yang terkesan akibat situasi pandemik COVID -19.
- ii. Kenal pasti tanda-tanda awal amaran tingkah laku bunuh diri seperti perubahan tingkah laku mendadak, hilang minat terhadap aktiviti yang biasa dilakukan dan mengasingkan diri dari orang sekeliling.
- iii. Beri sokongan dan dorongan kepada mereka untuk mendapatkan bantuan dan menerima rawatan.
- iv. Cegah penularan sebarang berita, video atau gambar berkaitan kejadian bunuh diri ke media sosial.

- v. Buang stigma negatif terhadap keluarga serta individu dengan penyakit mental dan tidak menghakimi kejadian bunuh diri yang berlaku.
- vi. Kekalkan hubungan dan berikan sokongan sosial terutama selepas sesuatu krisis berlaku.

KKM akan terus berusaha dan komited untuk mendidik dan melatih masyarakat berhubung masalah kesihatan mental, pencegahan tingkah laku bunuh diri, menghapuskan stigma terhadap tingkah laku tersebut dengan harapan agar individu yang terkesan akan mendapat bantuan dan sokongan, seterusnya menurunkan kadar kematian akibat bunuh diri.

Para pengamal media juga diseru untuk mempelajari dan meningkatkan pemahaman tentang isu berkaitan kesihatan mental agar penulisan dan pelaporan yang dihasilkan dapat membantu meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pencegahan tingkah laku bunuh diri dan menghapuskan stigma terhadap individu yang terkesan akibat masalah kesihatan mental.

Let's TALK Minda Sihat: Bertindak Segera, Harapan Terbina

**KHAIRY JAMALUDDIN
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

10 SEPTEMBER 2022